

## Penciptaan Istilah dan Akal Budi Melayu

### Terminological Coinage and The Malay Mind

JUNAINI KASDAN

#### ABSTRAK

*Kemajuan sesuatu bangsa selari dengan perkembangan ilmu yang dibina oleh bangsa itu sendiri. Sehubungan dengan itu, peristilahan dibentuk bagi menyokong perbendaharaan kata bagi setiap ilmu yang dikembangkan. Bagaimanakah orang dahulu mencipta istilah sebelum adanya rumus dan peraturan? Kelahiran ratusan kitab karya agung membuktikan masyarakat dahulu sudah boleh mencipta dan membina istilah. Kajian membuktikan masyarakat Melayu dahulu mencipta istilah berdasarkan pengalaman mereka berinteraksi dengan alam. Daripada situ mereka membina konsep-konsep tertentu, selaras dengan gaya hidup orang Melayu ketika itu. Contohnya, sebagai masyarakat yang mahir dalam selok-belok pelayaran, maka terciptalah istilah jurumudi dan keahlian dalam menilik serta mengubat pesakit pula mewujudkan istilah ahli nujum. Dalam konteks peristilahan masa kini, awalan 'juru', 'ahli', 'pakar', 'pandai' dan 'tukang', yang kesemua bermaksud 'orang yang memiliki kepandaian', mampu membentuk istilah baharu, seperti jururawat, pakar bedah, ahli kimia, dan tukang kimpal. Kajian mendapati, hasil menganalogi sesuatu istilah, maka terbentuklah istilah baharu yang menepati konsep, di samping mengekalkan ragam kemelayuan. Hal ini dapat dikaitkan dengan penciptaan kearifan tempatan dan akal budi Melayu (intelektual Melayu). Misalnya, istilah yang berkaitan dengan penciptaan bedil atau senapang, istilah tembikar dan istilah tenunan. Rantaian istilah yang tercipta sangat berkaitan dengan ilmu yang hendak disampaikan dan hal inilah yang disebut sebagai perekayasaan bahasa. Ironinya, disebabkan manusia Melayu tidak lagi mencipta, maka istilah yang terjelma lebih bersifat keinggerisan. Entah sama ada konsep istilahnya tiada dalam ruang lingkup budaya Melayu atau kerana selesa menggunakan bahasa Inggeris. Walhal, sudah ada Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (1995) yang dapat memandu ke arah pembentukan istilah yang lebih sesuai dengan lidah dan budaya Melayu.*

*Kata kunci: Istilah; analogi; akal budi Melayu; rantaian ilmu; perekayasaan*

#### ABSTRACT

*The progress of a nation is consistent with the development of knowledge built by the nation itself. Accordingly, terms are established to support the vocabulary of each discipline that has been developed. How did early man form the terms before rules and guideline existed? The birth of hundreds of great works of scripture proves that the people of ancient times were able to create and construct terms. Studies have proven that the early Malays created terms based on their experience interacting with nature. From there, they build certain concepts, in accordance with the lifestyle of the Malays then. For example, as a community skilled in the art of sailing, thus the term 'jurumudi' (navigator) came into being, and the expertise in forecasting and treating patients, the term 'ahli nujum' (astrologer) was coined. In the context of modern terminology, the prefixes of 'juru', 'ahli', 'pakar', 'pandai' and 'tukang', all of which means 'persons of expertise', are capable of forming new terms, such as jururawat (nurses), pakar bedah (surgeons), ahli kimia (chemists), and tukang kimpal (welders). Studies have shown, by making analogies of a term, new terms which fulfil the concept, while maintaining the Malay culture, are formed. These efforts can be associated with the creation of local wisdom and Malay minds. Some examples are terms related to the manufacture of rifles or guns, terms of pottery and that of weaving. The chain of terms coinage is very relevant to the knowledge to be conveyed and this is what is called language engineering. Ironically, because the Malays no longer create, terms which are more related to English have emerged. It is unknown, whether the term is not in the scope of Malay culture or users are comfortable using the English Language. In spite of the fact that there are existing the Guidelines for the Formation of Terms in Malay (1995) which can be a driving factor towards the creation of terminology more appropriate with the Malay tongue and culture.*

*Keywords: Terminology; analogy; Malay mind; knowledge chain; engineering*

## PENGENALAN

Perkembangan ilmu di seluruh dunia pada ketika ini memperlihatkan perkembangan yang sangat pesat, khususnya dalam bidang Sains dan Teknologi. Begitu juga dengan perkembangan istilah. Setiap hari muncul kata dan istilah baharu untuk mengungkapkan ilmu-ilmu tersebut. Kosa kata daripada pelbagai disiplin ilmu ini sangat mewarnai corak dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi di Malaysia. Dalam konteks peristilahan, walaupun Malaysia bukan negara pencipta, namun tempias kepesatan sains dan teknologi dan setiap bidang ilmu baharu yang muncul turut menuntut penciptaan istilah baharu. Dalam kalangan masyarakat pengguna, istilah baharu muncul di mana-mana. Konsep dan gagasan dalam pelbagai bidang, yang kebanyakannya dibawa daripada bahasa Inggeris, dikatakan sukar untuk diterjemahkan atau diungkapkan dalam bahasa Melayu. Justeru, pilihan pengguna adalah menyerap keseluruhan bentuk bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Bahkan ada yang menyebutnya sebagai ‘memelayukan istilah Inggeris’. Contohnya, resepsionis, pengkatering, ekksesais, precinct dan boulevard. Tidak terhad kepada fenomena itu sahaja, kerana berlaku juga proses ‘mengislamkan’ atau ‘mengarabkan’ istilah Melayu. Contohnya, islami, hijjri, aqiqah, aflat, dan khulafah bagi mengungkapkan istilah yang diserap daripada bahasa Arab. Keadaan seumpama ini sememangnya lazim berlaku dalam perkembangan semua bahasa, akibat terjadinya hubungan langsung antara bahasa-bahasa dan budaya di dunia. Namun, hal ini tidak bermakna istilah tersebut tidak dapat diungkapkan dalam bahasa Melayu.

Penghasilan kosa kata atau istilah baharu seiring dengan perkembangan semasa pasti akan memperkukuh bahasa Melayu. Biarkan istilah bahasa Melayu terus berkembang, namun perkembangannya harus dikawal (bukan disekat) dan ditapis, sesuai dengan tujuan asal perancangan bahasa. Penerapan kaedah penyerapan yang dituangkan dalam buku Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM) yang telah disepakati oleh negara anggota MABBIM perlu dilakukan secara baik dan tekal, sesuai dengan hakikat dan perkembangan bahasa Melayu. Oleh itu, kertas ini secara umumnya ingin membicarakan mengenai peristilahan bahasa Melayu, kehebatan, kebijaksanaan penutur dan penggunaannya sejak dahulu dan kaitannya dengan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu yang ada, agar pengguna bahasa dapat

mengambil iktibar dan selanjutnya terjentik untuk sama-sama memelihara dan mengembangkan bahasa Melayu.

## PERIHAL PEMBINAAN ILMU, PELESTARIAN DAN PEREKAYASAAN

Dalam ilmu Linguistik ada tiga kepadaan (*adequacy*) yang mesti dipatuhi bagi memastikan kajian itu berpada, iaitu pencerapan (*observatory*), penghuraian (*descriptive*) dan penjelasan (*explanatory*). Selalunya kajian linguistik dilengkapi dengan teori yang mampan. Begitu juga dengan penyelidikan bahasa Melayu. Perlu ada teori yang baik bagi menjelaskan fenomena bahasa dengan meyakinkan. Persoalannya, adakah cukup sekadar dengan teori dan acuan yang disodorkan oleh barat? Tidak perlukah kita bergerak dalam acuan sendiri? Sedangkan menurut Zimmermann (2012):

*A scientific theory is not the end result of the scientific method; theories can be proven or rejected, just like hypotheses. Theories can be improved or modified as more information is gathered so that the accuracy of the prediction becomes greater over time.*

Dalam konteks peristilahan bahasa Melayu pula, Hassan Ahmad (1980) menegaskan, ‘istilah hendaklah dibentuk atau diterjemahkan mengikut acuan tempatan’.

Dalam hal ini, didapati ada teori yang sudah ada boleh diperbaik dengan mengetengahkan apa-apa yang telah ditemui dalam penyelidikan bahasa Melayu. Penyelidik bahasa harus mencerap, mengutip data, merekod, menguji, membina hipotesis, diuji lagi dan akhirnya membentuk teori. Mungkin belum sampai ke peringkat mencipta teori baharu tetapi mengubah pendekatan supaya lebih serasi dengan sifat bahasa Melayu itu sendiri. Dalam konteks inilah pembinaan ilmu boleh dilakukan. Apakah tujuan perubahan dilakukan? Tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan perekayasaan ilmu terus berlaku supaya sentiasa segar. Perekayasaan bermaksud penerapan unsur-unsur ilmu, budaya, dan sebagainya dalam perancangan, mekanisme kerja, dan lain-lain sebagai asas melaksanakan sesuatu (<http://prpm.dbp.gov.my>). Dalam konteks penyelidikan bahasa unsur-unsur ini penting bagi melestarikan bahasa itu sendiri. Mengapa perlu kepada pelestarian? Pelestarian adalah untuk memastikan bahasa terus hidup dan relevan. Namun, pelestarian ini selalunya mempunyai konflik yang tersendiri. R. Wilk (2010)

dalam artikelnya, *'Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability'* mengatakan bahawa “adalah sukar untuk menemukan keserasian antara penyelidik, pembuat dasar dan masyarakat”.

*There are a number of obstacles in translating academic research and theoretical insights into practical recommendations for policy and effective messages for public and educational purposes. The ways trained scientists and social scientists think about problems are often far from the ways the same issues appear in public discourse.*

(R. Wilk 2010)

Perkara yang digambarkan oleh R. Wilk (2010) itu memang bertepatan dengan cara kerja perancang bahasa menangani istilah. Jika di himbau semula garis panduan penyediaan istilah, yang harus didahulukan ialah kosa kata tempatan (termasuk dialek), diikuti kosa kata serumpun, baharulah bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain. Bahkan, jika diperhatikan, pada zaman awal pembentukan istilah, banyak istilah yang menggunakan bahasa tempatan berbanding hari ini.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Lambakan istilah asing, khususnya bahasa Inggeris dalam kosa kata bahasa Melayu sering kali menjadi polemik dalam kalangan penggiat dan penyelidik bahasa Melayu. Isu penyerapan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu ini sebenarnya telah pun diungkapkan oleh Heah pada tahun 1989. Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati lebih daripada 10.0% istilah yang digunakan dalam pelbagai teks ilmiah adalah diserap daripada bahasa Inggeris. Pengkaji berpendapat bahawa penyerapan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu pastinya menimbulkan kebimbangan yang beralasan kemungkinan bahasa Melayu akan bertukar wajah. Setelah 20 tahun berlalu, hal yang dibimbangkan oleh pengkaji ternyata benar-benar berlaku, bahkan pernah mendapat teguran daripada mantan Menteri dan Penasihat Sosiobudaya Kerajaan, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim. Beliau berpendapat bahawa banyak istilah Inggeris diserap masuk ke dalam bahasa Melayu tanpa usaha yang bersungguh-sungguh untuk mencipta istilah dalam bahasa Melayu seperti yang pernah dilakukan oleh masyarakat Melayu sebelum ini. Menurut Junaini Kasdan (2015), ketidaksungguhan tersebut sangat berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh ranah

peristilahan itu sendiri, termasuk akibat berlakunya perubahan akta pendidikan (1996 -), pelaksanaan PPSMI (2003 - 2013), penarafan universiti yang sangat berkait dengan penerbitan bertaraf SCOPUS/ ISI dan sebagainya (2008 -) serta pelaksanaan Program DLP (2015 -).

Pada umumnya penelusuran kajian lalu mendapati banyak kajian yang berkaitan dengan peristilahan bahasa Melayu telah dilakukan, khususnya oleh pengkaji tempatan. Kajian-kajian tersebut dapat dikelompokkan kepada (i) kajian umum tentang istilah, yang cenderung melihat bentuk istilah dan kaedah yang dilakukan oleh pengguna atau penggubal istilah dalam membentuk istilah tersebut; serta (ii) kajian kaedah alternatif penggubalan istilah, iaitu kajian yang mengemukakan cara yang dapat membantu pengguna membentuk istilah baharu.

Sekadar menyenaraikan beberapa pengkaji, Puteri Roslina Abdul Wahid (2005) misalnya, melihat peminjaman kata bahasa Inggeris dalam istilah undang-undang bahasa Melayu. Data yang digunakan adalah berdasarkan petikan rambang terhadap 1,006 istilah kata pinjaman tulen daripada dalam 3,404 istilah terbitan DBP. Daripada kajian yang dilakukan, pengkaji menyimpulkan bahawa peminjaman kata merupakan satu proses semula jadi dan perkembangannya juga boleh terancang dengan adanya badan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka yang mengawasi kemasukan unsur luar ke dalam bahasa Melayu.

Selanjutnya, Hasnah Mohamad (2017) pula secara khusus melihat kaedah pembentukan istilah semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Data istilah diperoleh daripada akhbar tempatan dan kaedah pentakrifannya dianalisis berpandukan Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (PUIBM 2004). Hasil dapatan kajian ini mengukuhkan pandangan yang mengatakan penciptaan istilah bahasa Melayu banyak menyerap istilah daripada bahasa Inggeris dengan penyesuaian ejaan dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini pengkaji mendapati langkah yang diambil pengguna adalah disebabkan kaedah peminjaman yang lebih mudah serta lebih cepat untuk mendapatkan istilah baharu, dan cara peminjaman yang dilakukan pengguna adalah menepati kaedah yang ditetapkan dalam PUIBM 2004. Justeru, pengkaji mengusulkan agar pengguna didedahkan dengan kaedah pembentukan istilah yang betul bagi memastikan terciptanya istilah-istilah yang tepat, dan serasi dengan konsepnya. Walau bagaimanapun, pengkaji-

pengkaji ini tidak menjelaskan kaedah atau tatacara yang boleh dimanfaatkan oleh pengguna secara terperinci selain daripada penggunaan PUIBIM.

Berkaitan dengan kaedah alternatif untuk membentuk istilah, hal ini pernah di rungkai oleh Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Zuhairah Idrus (2017) melalui kajian tentang pembentukan istilah gandaan separa. Pengkaji menjelaskan tentang tatacara pembentukan istilah yang boleh dilakukan pengguna bahasa, iaitu berdasarkan bentukan kata ganda separa. Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Mohamed Roshimi Md Sahor (2014) dan Junaini Kasdan (2015) juga mengemukakan kaedah alternatif untuk membentuk istilah bahasa Melayu, iaitu menggunakan kaedah penterjemahan bersistem berteraskan pendekatan sosioterminologi. Daripada kajian yang dilakukan, terhasil sebuah sistem pepadanan istilah bahasa Melayu berasaskan web yang boleh dicapai melalui <http://istilah-frgs.unimap.edu.my/matchapp>. Sistem yang dibangunkan, pada umumnya menerapkan kaedah pertama yang ditetapkan PUIBIM 2004 dalam membentuk istilah bahasa Melayu, iaitu memantapkan penggunaan istilah yang telah sedia ada. Walau bagaimanapun, sistem yang dibina masih boleh ditambah baik, sesuai dengan keperluan pengguna. Dengan kata lain, inovasi perlu terus dilakukan demi kelangsungan bahasa Melayu.

Oleh itu, sebagai satu lagi alternatif, kertas ini secara khusus, ingin menjelaskan dan membuktikan penciptaan istilah berasaskan pengalaman dan analogi berjaya menghasilkan istilah yang mesra pengguna serta sesuai dengan konsep istilah yang hendak dibawa.

#### PENCIPTAAN ISTILAH BERASASKAN PENGALAMAN DAN ANALOGI

Sesuai dengan perkembangan bahasa Melayu, proses penggubalan istilah secara terpadu dan terancang di DBP telah bermula sejak tahun 1956. Hal ini tidak bermaksud tidak ada kegiatan penggubalan istilah dilakukan sebelumnya. Melalui kaedah penggubalan istilah bahasa Melayu yang sedia ada, Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu (1972, 2004), istilah boleh dibentuk melalui proses pengimbuhan, pengakroniman, penyingkatan, peluasan makna, penyempitan makna, penggandaan, penggabungan, proses analogi dan sebagainya. Bagi pembentukan istilah berdasarkan

proses analogi, kata yang dibentuk dengan kaedah ini adalah dengan cara mengiaskannya dengan sesuatu bentuk kata yang sedia wujud dalam bahasa Melayu sejak dahulu. Dengan kata lain, istilah baru dibentuk berdasarkan pola yang telah sedia ada. Contohnya, penggunaan awalan 'juru', seperti pada kata 'jurumudi', 'jurukunci' dan 'juritulis. Istilah 'jurumudi' muncul kerana orang Melayu pada ketika itu bukan sahaja sangat mahir dan pandai membuat kapal, tetapi juga hebat dalam selok-belok ilmu pelayaran. Kemudian ada pula istilah 'jurukunci' kerana di istana pada ketika itu terdapat orang yang diamanahkan untuk memegang kunci bilik-bilik tertentu di istana, atau 'juritulis', iaitu orang yang ditugasi untuk menulis surat/utusan raja dan teks-teks lama yang diperintahkan oleh raja. Penggunaan awalan juru dalam teks Melayu lama dapat dilihat dalam petikan teks yang berikut:

Maka titah baginda, "Jikalau bagitu pergi-lah bertanya siapa-kah mu' allim-nya dan siapa jeragan nakhoda juru-batu, juru-mudi." Maka turun-lah Bujang Selamat lalu bertanya, "Hai orang muda yang elok rupa sifat, apa-kah nama jeragan nakhoda juru-batu, juru-mudi geliong ini?" Maka menyahut Awang Sulung Merah Muda, "Nama jeragan tuan puteri Dayang Seri Jawa, nakhoda bernama tuanku Nakhoda Tua; juru-batu anak-anak orang Tiku Periaman, juru-mudi anak orang Pulau Laut." Maka Bujang Selamat pun menyembah-kan perkhabaran itu ka-bawah duli.

(Hikayat Awang Sulung Merah Muda 1957)

Berdasarkan contoh petikan tersebut, jurumudi diertikan sebagai orang yang sangat mahir dan mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang selok-belok pelayaran, khususnya cara untuk mengendalikan kemudi kapal, misalnya ketika laut bergelora, atau ketika cuaca tidak bersahabat dengan para pelayar. Kemahiran dan pengetahuan tersebut mereka peroleh melalui pengalaman atau belajar daripada orang yang lebih berpengalaman. Mudahnya, kata juru mendukung komponen makna: orang + kemahiran + berpengetahuan (perlu dipelajari) + pengalaman luas.

Hal ini bermakna, awalan 'juru' telah lama digunakan dalam bahasa Melayu dengan membawa maksud 'seseorang yang memiliki kemahiran dalam sesuatu perkara (KD4 2010). Dalam bahasa Inggeris, juru bermaksud, *man or person of particular job, skill* (*Kamus Inggeris-Melayu Dewan 2000*). Oleh itu, dengan cara mengiaskan atau menganalogikan awalan 'juru' yang bermaksud 'orang yang memiliki kemahiran atau kepandaian, maka terbentuklah istilah baharu dalam pelbagai bidang ilmu moden. Contoh istilah yang menggunakan awalan juru adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 yang berikut:

JADUAL 1. Contoh Istilah Pelbagai Bidang Ilmu yang Mendapat Awalan 'juru'

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu        | Bidang                                     |
|-----------------|----------------------|--|
| animator        | juruanimasi          | Kejuruteraan, Seni Lukis, Komunikasi       |
| announcer       | juruhebah            | Komunikasi                                 |
| banker          | jurubank             | Ekonomi, Perdagangan, Perbankan            |
| builder         | jurubina             | Pent. Perniagaan, Pemb. Manusia, Seni Bina |
| cameraman       | jurukamera           | Percetakan, Kejuruteraan, Grafik           |
| driller         | jurugerudi           | Petroleum, Kejuruteraan, Pent. Perniagaan  |
| electrician     | juruelektrik         | Percetakan, Fizik, Kejuruteraan            |
| engineer        | jurutera             | Perjawatan, Kejuruteraan                   |
| fitter          | jurugegas            | Seni Reka Industri, Kejuruteraan           |
| nurse           | jururawat            | Kejururawatan                              |
| photographer    | jurufoto; jurugambar | Fotografi, Pent. Perniagaan                |
| pilot           | juruterbang          | Aeronautik                                 |
| technician      | juruteknik           | Perubatan, Ekonomi, Perjawatan             |
| technologist    | juruteknologi        | Biologi, Perubatan                         |
| typist          | jurutaip             | Percetakan, Perjawatan, Kesetiausahaan     |

Sumber: Istilah dalam Pelbagai Bidang Ilmu terbitan DBP

Bagi melihat sama ada awalan juru pada istilah yang terdapat dalam Jadual 1 sama dengan awalan juru yang dicontohkan, maka analisis komponen makna

dilakukan. Hasilnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Contoh Analisis Komponen Makna bagi awalan 'juru'

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu | Huraian  | Komponen makna                                    |
|-----------------|---------------|--|---|
| nurse           | jururawat     | <i>A person who is trained or skilled to care for sick or injured people and who usually works in a hospital or doctor's office</i> ( <a href="http://www.merriam-webster.com/dictionary/nurse">http://www.merriam-webster.com/dictionary/nurse</a> )                  | orang + kemahiran + separa profesional + ikhtisas |
| technician      | juruteknik    | <i>A person who is trained or skilled in the technicalities of a subject</i> ( <a href="http://dictionary.reference.com/browse/technician">http://dictionary.reference.com/browse/technician</a> ).  | orang + kemahiran + separa profesional + ikhtisas |
| typist          | jurutaip      | <i>A person who is skilled in using a typewriter or computer keyboard, especially one who is employed for this purpose</i> ( <a href="https://www.oxforddictionaries.com/definition/english/typist">https://www.oxforddictionaries.com/definition/english/typist</a> ) | orang + kemahiran + ikhtisas                      |
| designer        | jurureka      | <i>A person who plans the look or workings of something prior to it being made, by preparing drawings or plans.</i> ( <a href="http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/designer">http://www.oxforddictionaries.com/definition/english/designer</a> )      | orang + kemahiran + separa profesional + ikhtisas |

Jadual 2 menunjukkan komponen makna yang terkandung dalam awalan juru ialah orang + mempunyai kemahiran + separa profesional + mempunyai kelayakan ikhtisas yang sesuai (tidak terlalu tinggi). Mengikut amalan di Malaysia, kelayakan ikhtisas bagi seorang jururawat dan juruteknik adalah diploma atau yang setara, manakala jurutaip, jururakam, dan jurucetak memerlukan kelayakan yang lebih rendah tetapi memiliki sijil atau kemahiran dalam bidang yang berkaitan. Hal ini menunjukkan bahawa komponen makna yang terkandung dalam kata juru tidak terlalu

menyimpang daripada makna asalnya, iaitu orang + mempunyai kemahiran + berpengetahuan (perlu dipelajari) + pengalaman luas.

Walau bagaimanapun, pada masa kini beberapa pekerjaan, seperti jururawat, jurutera, juruterbang, jurumasak bukan lagi sekadar memiliki kelayakan ikhtisas yang setara dengan diploma, tetapi juga sampai ke peringkat yang lebih tinggi, iaitu Master dan Doktor Falsafah. Daripada segi istilah, kata tersebut tetap digunakan tetapi diberikan pengertian yang lebih luas atau disebut sebagai perluasan konsep. Selain awalan juru, dalam bahasa Melayu

juga ditemukan penggunaan awalan ‘ahli’, misalnya, ‘ahli sihir’ dan ‘ahli nujum’ yang banyak ditemukan dalam teks-teks sastra Melayu lama. Contohnya:

Maka sa-telah sudah di-lihat-nya maka ujar segala **ahli nujum** itu Ya tuanku Perdana Menteri jika hendak putuskan pekerjaan Puteri itu hendak-lah tuan puteri itu bersama2 dengan loh lazuardi itu di-tarohkan pada Pulau Biram Dewa itu neschaya datang sa-orang manusia yang bernama Inderaputera anak Maharaja Bikrama Buspa ia itu-lah kelak akan memutuskan pekerjaan tuan puteri itu dengan anak raja mambang kedua itu

(Hikayat Inderaputera 1968)

Selain daripada itu, melalui ajaran Islam juga orang Melayu sudah mengenal istilah ‘ahli sunah’, iaitu golongan orang Islam yang berpegang teguh kepada Al-Quran, Hadis, ijmak dan qisas sebagai landasan agama (KD4 2010). Berdasarkan analogi awalan ahli yang sedia ada juga, maka terbentuklah istilah-istilah dalam bidang ilmu moden. Contoh penggunaan awalan ahli dipaparkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Contoh Istilah Pelbagai Bidang Ilmu yang Mendapat Awalan ‘ahli’

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu     | Bidang                                 |
|-----------------|-------------------|--|
| agronomist      | ahli agronomi     | Pertanian                              |
| anatomist       | ahli anatomi      | Perubatan                              |
| astronomist     | ahli astronomi    | Kejuruteraan, Geologi, Geografi, Fizik |
| cytogeneticist  | ahli sitogenetik  | Biologi                                |
| cosmetologist   | ahli kosmetik     | Pent. perniagaan                       |
| ecologist       | ahli ekologi      | Perubatan, Kependudukan                |
| endodontist     | ahli endodontik   | Perubatan                              |
| epidemiologist  | ahli epidemiologi | Perubatan, Veterinar                   |
| gerontologist   | ahli gerontologi  | Perubatan                              |
| microbiologist  | ahli mikrobiologi | Perubatan                              |
| mineralogist    | ahli mineralogi   | Geografi                               |
| mycologist      | ahli mikologi     | Pertanian                              |
| nephrologist    | ahli nefrologi    | Perubatan                              |
| neurologist     | ahli neurologi    | Perubatan                              |

Sumber: Istilah dalam Pelbagai Bidang Ilmu terbitan DBP

Sama seperti awalan juru, awalan ahli juga membawa maksud orang yang mahir dalam sesuatu bidang, atau pakar (KD4 2010). Soalan yang mungkin timbul adalah apakah beza antara ahli dan juru? Bilakah awalan ahli digunakan dan bilakah pula awalan juru digunakan? Oleh sebab penggunaan awalan ahli dikiaskan atau dianalogikan daripada kata ahli sihir dan ahli nujum, maka keperluan atau kelayakan yang perlu ada pada seorang ahli nujum dianalisis. Ternyata, untuk menjadi ahli nujum, seorang itu tidak hanya perlu mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas, tetapi juga perlu mempunyai ilmu yang harus dipelajari daripada orang yang lebih mahir. Untuk menjadi ahli nujum juga, seseorang itu bahkan perlu mendapatkan pengiktirafan, sama

ada daripada masyarakat atau raja. Selok-belok tentang dunia tilikan perlu dikuasai dengan baik, sama ada yang terlihat atau yang tidak terlihat oleh mata kasar. Dengan kata lain, komponen makna yang terkandung dalam awalan ahli adalah: orang + mempunyai kemahiran + pengalaman luas + perlu diiktiraf + kelayakan tertentu.

Dalam menentukan pilihan istilah dalam bahasa Melayu, masyarakat Melayu tidaklah memilih istilah secara melulu. Begitulah juga halnya, apabila mereka memilih untuk menggunakan awalan ahli. Selain analogi, mereka juga mempunyai alasan dan pertimbangan untuk menggunakan kata tersebut. Bagi mendapatkan penjelasan, analisis komponen makna bagi awalan ahli dilakukan. Hasilnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Contoh Analisis Komponen Makna bagi awalan 'ahli'

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu    | Huraian  | Komponen makna   |
|-----------------|------------------|--|--|
| archaeologist   | ahli arkeologi   | <i>A specialist in archaeology, the scientific study of prehistoric peoples and their cultures by analysis of their artefacts, inscriptions, monuments, etc.</i> ( <a href="http://dictionary.reference.com/browse/archaeologist">http://dictionary.reference.com/browse/archaeologist</a> ) | orang + kemahiran + profesional + pengkhususan + ikhtisas tinggi + diiktiraf |
| economist       | ahli ekonomi     | <i>A person who studies or specialize in economics</i> ( <a href="http://www.merriam-webster.com/dictionary/economist">http://www.merriam-webster.com/dictionary/economist</a> )   | orang + kemahiran + profesional + pengkhususan + ikhtisas tinggi + diiktiraf |
| gerontologist   | ahli gerontologi | <i>The health care professionals who specialize in working with elderly patients.</i> ( <a href="http://www.mshealthcareers.com/careers/gerontologist.htm">http://www.mshealthcareers.com/careers/gerontologist.htm</a> )  | orang + kemahiran + profesional + pengkhususan + ikhtisas tinggi + diiktiraf |
| neurologist     | ahli neurologi   | <i>A medical doctor with specialized training in diagnosing, treating, and managing disorders of the brain and nervous system.</i> ( <a href="https://patients.aan.com/go/workingwithyourdoctor">https://patients.aan.com/go/workingwithyourdoctor</a> )                                     | orang + kemahiran + profesional + pengkhususan + ikhtisas tinggi + diiktiraf |

KD4 (2010) mentakrifkan ahli sebagai (1) orang yang mahir dalam sesuatu bidang; (2) anggota sesuatu pertubuhan dan sebagainya. Namun, analisis komponen makna bagi awalan ahli seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan awalan ahli mempunyai komponen makna: orang + mempunyai kemahiran + profesional + bidang yang khusus + kelayakan ikhtisas tinggi + diiktiraf. Analisis tersebut juga menunjukkan bahawa komponen makna bagi awalan ahli sama dengan komponen makna asalnya, iaitu orang + mempunyai kemahiran + pengalaman luas + perlu diiktiraf + kelayakan tertentu.

Selanjutnya, dalam Bahasa Melayu terdapat juga istilah yang menggunakan kata 'pakar' bagi merujuk orang yang mempunyai keahlian dan kemahiran tertentu, sama seperti awalan juru dan ahli. Walau bagaimanapun, penyelidikan melalui data korpus teks klasik DBP tidak menemukan kata pakar. Istilah tersebut muncul dalam zaman baru, iaitu setelah adanya sistem pendidikan formal. Contoh penggunaan perkataan pakar adalah seperti yang terdapat dalam petikan berikut:

Pa' Kadir telah melantek beberapa orang harapan-nya untuk menjadi pengelola sayembara itu, semua-nya orang yang pakar<sup>2</sup>. Patut juga di-beri tahu sa-chara mendalam berkenaan

orang<sup>2</sup> itu: Pa' Ngah tukang masak (pakar masakan), Mat Kedidi (pakar kechanteakan), Enche' Bedul (pakar menyukat kecherdasan otak) dan Pa' Kadir sendiri (pakar sastera lama)

(Pendakian 1966)

Penulis karya *Pendakian* atau penulis-penulis lain yang sezaman dengannya menggunakan kata pakar, walaupun sudah ada awalan juru dan ahli tentulah mempunyai alasan yang tersendiri. Sekurang-kurangnya penulis berpendapat bahawa awalan juru dan ahli tidak menepati konsep pakar yang ditawarkan. Justeru, komponen makna yang terkandung dalam kata 'pakar kecerdasan otak' atau 'pakar sastera lama' yang terdapat dalam kutipan teks *Pendakian* dianalisis. Ternyata, untuk menjadi pakar kecerdasan otak (*intelligence expert?*) atau pakar sastera lama (*traditional literature expert?*) perlu memiliki kemahiran + pengalaman luas + menguasai ilmu + perlu diiktiraf + kelayakan ikhtisas (peringkat tinggi) + profesional.

Berdasarkan penggunaan perkataan pakar yang sezaman dengan penulisan tersebut, proses analogi dimanfaatkan untuk membentuk istilah bidang ilmu moden. Contoh penggunaan kata pakar dalam pelbagai bidang ilmu moden adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Contoh Istilah Pelbagai Bidang Ilmu yang Mendapat Awalan ‘pakar’

| Bahasa Inggeris    | Bahasa Melayu          | Bidang                                      |
|--------------------|------------------------|---|
| neurosurgeon       | pakar bedah saraf      | Pergigian, Perubatan                        |
| ophthalmologist    | pakar oftalmologi      | Perubatan, Perjawatan                       |
| orthodontist       | pakar ortodontik       | Perubatan                                   |
| orthopedist        | pakar ortopedik        | Perubatan                                   |
| nutritionist       | pakar pemakanan        | Teknologi Makanan                           |
| gastroenterologist | pakar gastroenterologi | Perubatan                                   |
| gastrologist       | pakar gastrologi       | Perubatan                                   |
| geneticist         | pakar genetik          | Kependudukan, Veterinar, Perubatan, Biologi |
| gynecologist       | pakar ginekologi       | Pembangunan Manusia, Perubatan, Perjawatan  |
| hematologist       | pakar hematologi       | Perubatan                                   |
| endocrinologist    | pakar endokrinologi    | Perubatan                                   |
| rheumatologist     | pakar reumatologi      | Perubatan                                   |
| anesthetist        | Pakar anestesia        | Perubatan                                   |
| rhinologist        | pakar rinologi         | Perubatan                                   |
| strategist         | pakar strategi         | Industri Kewangan                           |
| leprologist        | Pakar leprologi        | Perubatan                                   |
| toxicologist       | pakar toksikologi      | Perubatan                                   |
| urologist          | pakar urologi          | Perubatan                                   |

Sumber: Istilah dalam Pelbagai Bidang Ilmu terbitan DBP

Menurut Asmah Haji Omar (2000), dalam proses pembentukan atau penggubalan istilah, ada tiga hal yang berlaku, iaitu pengekodan, penentuan padanan dan penentuan bentuk. Antara proses untuk menentukan padanan istilah adalah dengan memasang-masangkan padanan dan menganalisis maknanya. Dalam hal ini penggubal istilah akan mencari kata dalam ensiklopedia yang ada dalam kognisi mereka. Bagi memastikan padanan istilah

yang dipilih menepati konsep istilah bahasa sumber, penggubal istilah perlu memastikan bahawa makna yang didukung oleh kata padanan yang dipilih itu betul-betul sama dengan konsep asalnya. Bagi tujuan ini, analisis makna dilakukan. Hal yang sama dilakukan oleh penggubal istilah untuk memilih menggunakan kata pakar, dan bukannya juru atau ahli. Hasil contoh analisis kata pakar dipaparkan dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Contoh Analisis Komponen Makna bagi awalan ‘pakar’

| Bahasa Inggeris       | Bahasa Melayu     | Huraian  | Komponen makna  |
|-----------------------|-------------------|--|---|
| <i>rheumatologist</i> | pakar reumatologi | <i>An expert in treating arthritis, certain autoimmune diseases, musculoskeletal pain disorders and osteoporosis.</i> ( <a href="http://www.nebh.org/departments-services/rheumatology/">http://www.nebh.org/departments-services/rheumatology/</a> )    | orang + kemahiran + pengalaman + menguasai ilmu + profesional + pengkhususan + ikhtisas tertinggi |
| <i>dietitian</i>      | pakar diet        | <i>An expert in dietetics; that is, human nutrition and the regulation of diet.</i> ( <a href="https://en.wikipedia.org/wiki/Dietitian">https://en.wikipedia.org/wiki/Dietitian</a> )  | orang + kemahiran + pengalaman + menguasai ilmu + profesional + pengkhususan + ikhtisas tertinggi |
| <i>hematologist</i>   | pakar hematologi  | <i>An expert in blood disorders, such as issues with blood forming organs and bone marrow.</i> ( <a href="http://www.bayhematologyoncology.com/Blood-Disorders-Easton-MD.html">http://www.bayhematologyoncology.com/Blood-Disorders-Easton-MD.html</a> ) | orang + kemahiran + pengalaman + menguasai ilmu + profesional + pengkhususan + ikhtisas tertinggi |
| <i>dermatologist</i>  | pakar kulit       | <i>The medical expert you should consult if you have any significant problem with your skin.</i> ( <a href="http://www.dermnetnz.org/dermatologist.html">www.dermnetnz.org/dermatologist.html</a> )  | orang + kemahiran + pengalaman + menguasai ilmu + profesional + pengkhususan + ikhtisas tertinggi |



Berdasarkan Jadual 6, komponen makna yang terkandung dalam kata pakar ialah orang + kemahiran + pengalaman + menguasai ilmu + profesional + pengkhususan + ikhtisas tertinggi. Hakikatnya, penganalisan komponen makna adalah bertujuan memastikan makna istilah yang dipilih sesuai dengan konsep asal istilah sumber, memastikan komponen makna yang lain dan memastikan makna ekstensionalnya. Pada umumnya makna yang diberi oleh kamus bagi sesuatu kata itu belum tentu memenuhi keperluan pakar tetapi sekurang-kurangnya memberi petunjuk tertentu. Makna terdiri daripada satu kumpulan ciri-ciri kognitif yang ada pada suatu unit leksikal, dan ciri inilah yang dapat membezakan satu unit leksikal dengan leksikal yang lain walaupun leksikal-leksikal tersebut terdapat dalam golongan makna yang sama. Maksudnya, semua leksikal boleh diperiksa secara halus untuk mengenal pasti komponen-komponen maknanya.

Satu lagi perkataan yang hampir sama maknanya dengan juru, ahli dan pakar ialah kata tukang, yang sudah lama digunakan dalam bahasa Melayu. Contohnya tukang rumah, tukang kayu, tukang masak, tukang gunting, tukang cuci, tukang ramal,

tukang tenun, tukang sampah, dan tukang sate. Terdahulu daripada itu, dalam teks klasik Hikayat Umar Umaiyah telah digunakan kata tukang cukur, seperti dalam petikan berikut:

Di manalah hamba hendak mencari tuan yang baik hati sebagai Datuk ini. Redalah hamba mati dengan membuat pekerjaan Datuk ini." Maka kata Umar Umaiyah, "Hai tukang cukur, bawalah pergi dinar ini ke rumahmu." Maka **tukang cukur** itu pun pulanglah ke rumahnya membawa dinar itu.

(Hikayat Umar Umaiyah 1988)

KD4 (2010) mentakrifkan 'tukang' sebagai orang yang pandai membentuk atau membuat sesuatu. Melalui kata 'tukang cukur' yang terdapat dalam contoh kutipan teks, diselidik komponen makna yang terkandung dalam kata tukang. Untuk menjadi tukang cukur, memadai seseorang itu memiliki kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mencukur. Tidak ada sebarang pengiktirafan atau kelayakan ikhtisas diperlukan. Justeru, komponen makna yang didukung oleh kata tukang ialah kemahiran + pengalaman + pengetahuan. Selanjutnya, daripada bentuk tukang cukur, misalnya telah dijadikan model untuk membentuk kata-kata baru dalam bidang ilmu moden. Contoh penggunaan tukang dipaparkan dalam Jadual 7 yang berikut.

JADUAL 7. Contoh Istilah Pelbagai Bidang Ilmu yang Mendapat Awalan 'tukang'

| Bahasa Inggeris       | Bahasa Melayu          | Bidang                                    |
|-----------------------|------------------------|---|
| barber                | tukang gunting         | Pent. Perniagaan                          |
| blacksmith            | tukang besi            | Kejuruteraan, Pent. Perniagaan, Seni Bina |
| gardener              | tukang kebun           | Pertanian, Perjawatan                     |
| goldsmith             | tukang emas            | Ekonomi, Perjawatan, Undang-undang        |
| locksmith             | tukang kunci           | Kejuruteraan, Perjawatan                  |
| painter               | tukang cat             | Seni Bina                                 |
| plumber               | tukang paip            | Seni Bina, Kejuruteraan, Pent. Perniagaan |
| potter                | tukang tembikar        | Seni Lukis                                |
| roofer                | tukang bumbung         | Seni Bina                                 |
| steel and iron worker | tukang besi dan keluli | Seni Bina                                 |
| stone mason           | tukang batu            | Seni Bina                                 |
| story teller          | tukang cerita          | Filologi                                  |
| turner                | tukang larik           | Ukur & Pemetaan, Kejuruteraan             |
| welder                | tukang kimpal          | Kejuruteraan                              |

Sumber: Istilah dalam Pelbagai Bidang Ilmu terbitan DBP

Oleh sebab KD4 (2010) dan Tesaurus bahasa Melayu (2004) mensinonimkan kata tukang dengan pandai, ahli, juru, dan pakar, maka untuk melihat

perbezaan maknanya, analisis komponen makna dilakukan. Hasilnya adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8.

JADUAL 8. Contoh Analisis Komponen Makna bagi awalan ‘tukang’

| Bahasa Inggeris | Bahasa Melayu   | Huraian   | Komponen makna                                  |
|-----------------|-----------------|---|---|
| plumber         | tukang paip     | 1. <i>A person who <b>fits and repairs</b> the pipes, fittings, and other apparatus of water supply, sanitation, or heating systems.</i><br>( <a href="https://www.lexico.com/en/definition/plumber">https://www.lexico.com/en/definition/plumber</a> ) | orang + pengkhususan + pengalaman + pengetahuan |
| goldsmith       | tukang emas     | <i>A person who <b>makes</b> gold articles.</i><br>( <a href="https://www.lexico.com/en/definition/goldsmith">https://www.lexico.com/en/definition/goldsmith</a> )  | orang + pengkhususan + pengalaman + pengetahuan |
| potter          | tukang tembikar | <i>A person who <b>makes</b> ceramic ware.</i> ( <a href="https://www.lexico.com/en/definition/potter">https://www.lexico.com/en/definition/potter</a> )  | orang + pengkhususan + pengalaman + pengetahuan |
| locksmith       | tukang kunci    | <i>A person whose job is to <b>make and repair</b> locks.</i> ( <a href="http://www.merriam-webster.com/dictionary/locksmith">www.merriam-webster.com/dictionary/locksmith</a> )  | orang + pengkhususan + pengalaman + pengetahuan |

Analisis komponen makna yang dipaparkan dalam Jadual 8 menunjukkan awalan pakar daripada konsep bahasa sumbernya (bahasa Inggeris), mendukung konsep kemahiran + pengalaman + pengetahuan, sama seperti komponen makna pada kata tukang yang asalnya, berbanding dengan awalan juru, ahli dan pakar. Perbandingan komponen makna bagi keempat-empat istilah yang ditakrifkan oleh KD4 (2010) sebagai pandai, ahli, pakar dan tukang menunjukkan keempat-empat awalan tersebut tidaklah seratus peratus sama. Kesemuanya

berkongsi komponen makna yang sama, tetapi terdapat perbezaan antara keempat-empatnya. Bentuk yang terjadi bukanlah satu kebetulan, melainkan dirancang berpandukan kebijaksanaan daya fikir orang Melayu. Hakikatnya, istilah bahasa Melayu dapat dibentuk melalui analogi bentuk-bentuk yang telah sedia ada. Dengan kata lain, orang Melayu, sejak zaman dahulu sememangnya arif dalam memilih sesuatu kata. Analisis komponen makna bagi keempat-empat awalan tersebut adalah seperti dalam Jadual 9.

JADUAL 9. Perbandingan Komponen Makna bagi awalan ‘juru’, ‘ahli’, ‘pakar’ dan ‘tukang’

| KOMPONEN MAKNA  | LEKSIKAL |      |       |        |
|---|----------|------|-------|--------|
|   | JURU     | AHLI | PAKAR | TUKANG |
| Memiliki kemahiran (skill) dalam bidang tertentu                | X        | X    | X     | X      |
| Memiliki pengalaman yang luas                                   | X        | X    | X     | X      |
| Memiliki pengetahuan  | X        | X    | X     | X      |
| Mendapat pengiktirafan badan-badan tertentu                     | X/-      | X    | X     | -      |
| Memiliki kelayakan ikhtisas (sijil dan diploma)                 | X        | -    | X     | -      |
| Memiliki kelayakan ikhtisas peringkat tinggi (ijazah)           | -        | X    | X     | -      |
| Memiliki kelayakan ikhtisas peringkat tertinggi (master & PhD.) |          | X    | X     |        |
| Memiliki kelayakan ikhtisas peringkat lanjutan                  | -        | X    | X     | -      |
| Memiliki pengkhususan (specialize) dalam bidang tertentu        | X        | X    | X     | X      |
| Memiliki kepakaran (expert) dalam bidang tertentu               | -        | -    | X     | -      |
| Menjadi ahli dalam persatuan tertentu untuk menjadi pengamal    | X/-      | X/-  | X/-   | -      |

Namun, sejak akhir-akhir ini muncul pula bentuk akhiran -is bagi istilah-istilah yang seangkatan dengan istilah-istilah yang telah dicontohkan. Contohnya, ekstrimis (*extremist*), spesialis (*specialist*), filologis (*filologis*), linguist (*linguist*), ekonomis (*economist*) teroris (*terrorist*), artis (*artist*) dan resepsionis (*receptionist*). Tidak ada lagi kata pakar linguistik, pakar filologi, pakar ekonomi, atau golongan (orang) ekstrem. Bahkan kata *artist* juga sudah ada kata dalam bahasa

Melayunya, iaitu ‘seniman’ dan *receptionist* sudah ada kata penyambut tetamu. Hal ini ‘mungkin’ ada kaitannya dengan panduan yang terdapat dalam PUIBM (2004), iaitu akhiran -ist boleh digantikan dengan akhiran -is dalam bahasa Melayu, sehingga pengguna yang kurang peka terhadap bahasa Melayu memilih untuk menggunakan akhiran -is yang dianggapnya lebih ringkas. Namun, kemungkinan ini perlu diselidiki dengan lebih lanjut.

Pembentukan kata secara analogi ini juga boleh diluaskan dengan menggunakan kata-kata lain, seperti ‘pekasin’ (*brine*) yang mengambil analogi ‘pekasam’ (*fermented fish*); ‘jerayawara’ (*roadshow*) yang mengambil analogi ‘sandiwara’ (*single play*), dan tunafoto (*photobomb*) yang mengambil analogi ‘tunawisma’ (*homeless*). Selain bentuk-bentuk tersebut, terdapat juga kata baharu yang dibentuk beranalogikan bentuk lain yang telah wujud pada masa lalu tetapi bentuk tersebut baharu digunakan pada masa sekarang. Kata ini dibentuk pada beberapa perkataan yang dahulunya tidak pernah menerima bentuk yang sedemikian. Contohnya, kebolehserapan (*absorptivity*), kebolehpasaran (*marketability*), kebolehlenturan (*flexibility*), kebolehlarutan (*solubility*) dan kebolehhidmatan (*serviceability*). Tujuan pembentukan yang sedemikian adalah untuk menampung konsep baharu dalam sesuatu bidang tertentu, sama ada konsepnya belum ada dalam bahasa Melayu atau bentuk yang ada menggunakan rangkaian kata yang panjang, sehingga sukar diingat atau disebut.

Daripada istilah yang dicontohkan, apitan ke-an sudah sedia ada dalam bahasa Melayu, walaupun keboleh-an sebelumnya tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Namun, dengan menganalogikan bentukan leksikal ‘kelakuan’ yang berasal daripada kata dasar ‘laku’ dan mendapat apitan ke-an untuk membentuk kata nama misalnya, maka proses yang sama juga dapat dilakukan kepada istilah yang terdiri daripada rangkaian kata, misalnya boleh larut menjadi kebolehlarutan atau boleh lentur menjadi kebolehlenturan. Bahkan kini wujud kata ‘kemenjadian’ dan ‘kebolehmengjadian’ (*probability?*) daripada kata dasar ‘menjadi’, yang banyak digunakan dalam bidang pendidikan. Walaupun bunyinya janggal, namun daripada segi pembentukannya, istilah tersebut dapat diterima sebagai kata bahasa Melayu yang boleh difahami konsepnya dan menepati panduan yang digariskan dalam PUBIBM.

## ISTILAH DAN AKAL BUDI MELAYU

Secara harfiah, akal budi bermaksud ‘cara berfikir, berkelakuan dan sebagainya’, namun istilah akal budi yang sering dijadikan padanan bagi kata *common sense*, dalam bahasa Inggeris, dibentuk secara sedar oleh penutur Melayu untuk mendukung erti yang lebih luas, berkaitan dengan tingkah laku yang dihasilkan oleh pemikiran yang waras dan

bijaksana. Dengan akal manusia mampu mencipta, berkeinginan dan berperasaan mampu mencipta benda-benda baharu atau apa sahaja sama ada bersifat jasmani atau rohani. Namun, dengan budi, manusia dapat menilai antara hal-hal yang baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan.

Akal budi Melayu berawal daripada pemerhatian persekitaran atau disebut sebagai alam (عالم). Masyarakat Melayu banyak menggunakan kesan-kesan alam sekelilingnya dengan segala kemampuan imaginasi mereka, lalu mengaitkannya dengan aspek kehidupan. Setiap perlakuan yang ada di sekelilingnya diamati menggunakan akal (عقل). Perhubungan rapat mereka dengan alam sekeliling dan segala makhluk yang mendiaminya menimbulkan ilham (إلهام) untuk dijadikannya perbandingan dan perlambangan atau ibarat (عبره) untuk memberi teguran, nasihat atau sindiran agar mudah didengar dan difahami. Keempat-empat unsur tersebut akan bernilai ilmu (علمو) apabila dipelajari, diteliti dan diuji dan selanjutnya disampaikan kepada orang lain untuk diamalkan (عمل) secara berterusan agar bermanfaat (Junaini dan Nor Hashimah 2018).

‘Akal’ dan ‘budi’ dalam konteks Melayu merupakan konsep yang terjelma daripada kearifan/kebijaksanaan cara bangsa Melayu berfikir. Akal merujuk kepada kemampuan berfikir yang melengkapkan manusia dengan pengetahuan (ilmu); berfikir terhadap segala idea dan perilaku yang diperlukan dalam hubungannya dengan persekitaran serta membolehkan akal melakukan perbezaan antara baik dan buruk untuk dimanfaatkan dalam kehidupan. Dengan akal manusia mampu mencipta, berkeinginan dan berasa mampu mencipta benda-benda baru untuk memenuhi hajat hidupnya, sama ada yang bersifat jasmani mahupun rohani’. Namun, melalui budi seseorang itu dapat menilai kebenaran dan kebatilan. Pada masyarakat Melayu, ukuran kesopanan dan akal budi terletak pada budi dan bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin 2014). Lazimnya, penentuan budi seseorang, sama ada rendah atau tinggi dinilai daripada penggunaan bahasanya. Seseorang yang menyatakan sesuatu yang tidak baik dengan bahasa yang berterus terang atau tidak berlapik, dianggap sikap yang tidak beradab.

Istilah bukan sekadar kata-kata, sebaliknya merupakan ungkapan yang mendukung konsep tertentu. Ungkapan berkonsep ialah ungkapan yang mempunyai nilai intelektual. Hassan (2003) menggelarkan nilai intelektual ini sebagai akal budi atau kehalusan akal dan ini menjadi teras

kepada pemahaman corak pemikiran Melayu. Hal ini dapat dikaitkan dengan penciptaan kearifan tempatan dan akal budi Melayu. Misalnya, istilah yang berkaitan dengan penciptaan bedil atau senapang, istilah tembikar dan istilah sulaman. Rangkaian istilah yang tercipta sangat berkaitan dengan ilmu yang hendak disampaikan dan hal inilah yang disebut sebagai perekayasa bahasa. Kewujudan istilah dalam pelbagai bidang kehidupan manusia, khususnya istilah jati telah wujud sebelum munculnya ilmu-ilmu moden. Bahkan istilah-istilah tersebut membentuk satu rangkaian yang sangat unik. Hal ini pernah ditekankan oleh Sunaryo (1987), bahawa bahasa kebangsaan sebagai produk budaya yang berfungsi sebagai sarana komunikasi, turut berfungsi sebagai sarana pendukung pertumbuhan dan perkembangan produk-produk budaya yang lain. Dalam Ilmu Bedil Melayu misalnya, terdapat rangkaian istilah yang berkaitan dengan proses mengendalikan senjata api. Dalam Gambar rajah 1 dipaparkan beberapa istilah yang berkaitan.

|            | Senapang   | Peluru   | Ubat Bedil                                    |
|------------|--|--|---|
| Persediaan | Memilih  | Melakur<br>Menunang                                      | Membuat                                       |
| Penggunaan | Memegang<br>Menggemak<br>Membidik<br>Memetik jarum | Berdiri tegak<br>Menetapkan pejera<br>Menuju<br>Melepasi | Mengisi<br>Melepasi jarak<br>Pelepasan peluru |

GAMBAR RAJAH 1. Istilah yang berkaitan dengan pengendalian bedil berdasarkan naskhah Ilmu Bedil Melayu

*Sumber:* disesuaikan dari Wan Mohd Dasuki (2013).

Dalam konteks ilmu bedil Melayu, istilah ‘menggemak’ membawa konsep memegang-megang senapang dengan tangan kerana hendak mengagak berat atau besarnya, dalam kedudukan badan berdiri tegak. Hal ini kerana orang Melayu menitikberatkan ciri fizikal senjata yang sempurna agar penggunaannya menjadi lancar tanpa membahayakan keselamatan. Oleh itu, setiap senapang yang hendak digunakan perlu dipilih untuk disesuaikan dengan keadaan fizikal si penembak. Menggemak penting kerana tindakan ini dapat mempengaruhi aspek psikologi penggunaan, iaitu keyakinan terhadap proses pengendalian serta pemfokusan pada teknik yang selanjutnya. Berdasarkan Gambar rajah 1 dapat dilihat terdapat dua istilah yang hampir sama, iaitu ‘memegang’ dan ‘menggemak’. Kedua-dua membawa konsep ‘menyentuh dengan tangan’ tetapi memiliki tujuan yang berbeza. Kedua-dua istilah ini memperlihatkan bahawa orang Melayu sebenarnya adalah orang

yang sangat kritis dan teliti. Ketelitian inilah yang memunculkan pelbagai istilah. Dalam teks ilmu Bedil ini misalnya, terdapat pelbagai istilah yang boleh digali dan dicungkil untuk diketengahkan kepada masyarakat, sekali gus menyetengahkan industri yang berkaitan. Bukan sahaja industri pembuatan senjata tetapi juga industri sukan persenjataan.

Akal budi yang hendak disampaikan melalui istilah-istilah ini ialah orang Melayu sejak dahulu, bukan sahaja sudah mengenal tetapi juga menguasai ilmu Fizik dan Kimia. Mereka bukan sahaja boleh menggunakan senjata api tetapi mereka juga menghasilkan senjata api. Istilah lahir dan berkembang kerana adanya perekaciptaan benda-benda. Istilah menjadi mati kerana industri (merujuk kepada kegiatan) yang berkaitan tidak lagi dikuasai atau diamalkan. Pada sisi yang lain pula dapat dilihat bahawa industri berkembang melalui istilah. Dengan kata lain, kedua-duanya saling berkaitan. Dalam konteks peristilahan hari ini, istilah ‘menggemak’, ‘membidik’, ‘menenang’ ‘melakur’ dan ‘menunang’ tentunya dapat dimanfaatkan, bukan sahaja dalam bidang Sains Sukan (Menembak), tetapi juga dapat dimanfaatkan dalam bidang-bidang yang lain seperti Fizik, Kimia, Kejuruteraan, Ketenteraan dan sebagainya.

Selanjutnya, selain mencungkil istilah daripada teks-teks klasik, istilah juga boleh dicungkil melalui kegiatan seni dan budaya, misalnya seni tari, seni sulaman, seni tempa dan sebagainya. Perlu ditekankan sekali lagi bahawa industri mati kerana istilah dalam bidang itu tidak dikembangkan. Dengan mengambil contoh tarian Samba di Brazil dan Pocho-pocho di Indonesia misalnya, dapat dilihat tarian-tarian ini bukan sahaja terkenal di negara asalnya tetapi juga hampir di seluruh dunia. Soalannya ialah mengapa? Hal ini kerana tarian Samba digunakan untuk latihan pemain bola sepak Brazil. Begitu juga dengan tarian pocho-pocho yang digunakan untuk senaman ringan. Hal yang pasti adalah bukan setakat tariannya yang dikenali tetapi juga istilahnya. Melalui istilah-istilah yang digunakan, tarian-tarian itu terus berkembang. Soalannya lagi, mengapa bukan tarian Melayu? Hal ini kerana orang tidak mengenali istilah-istilah dalam tarian Melayu. Jika demikian, bagaimana tarian itu dapat dikembangkan? Dan bagaimana pula akal budi orang Melayu dapat diketengahkan?

Begitu juga dengan kesenian yang lain, misalnya batik, songket, dan sulaman. Istilah-istilah bidang yang berkaitan hanya ada dalam kepala pakar yang terlibat langsung dengan industri tersebut. Sehingga industri ini terlihat sangat eksklusif dan akhirnya

pasti akan pupus kerana tiada yang mengembangkan industri tersebut. Sebagai contoh, walaupun orang Melayu mempunyai industri batik tetapi masyarakat Melayu tidak mengenali nama-nama batik atau motif yang digunakan pada batik yang dihasilkan di Malaysia. Hal ini berbeza situasinya dengan di Indonesia, yang masyarakatnya boleh mengetahui nama-nama motif batik mereka. Belum lagi proses pembuatannya. Kesannya, walaupun kerajaan Malaysia menjalankan kempen pemakaian baju batik

tetapi yang berlaku adalah lambakan batik Indonesia. Bahkan masyarakat Malaysia lebih mengenal istilah batik Indonesia berbanding batik Malaysia sendiri. Dengan kata lain, pengumpulan istilah-istilah budaya tempatan perlu dicungkil dan dimasyarakatkan agar industri yang berkaitan dapat turut dikembangkan, sekali gus menyerlahkan kehebatan akal budi orang Melayu. Jadual 10 memaparkan beberapa contoh istilah seni budaya, yang merupakan istilah ilmu jati yang terdapat dalam bahasa Melayu.

JADUAL 10. Istilah Seni Budaya

| Istilah       | Huraian  | Bidang   |
|---------------|--|----------|
| Timpak        | Bakul kantung letak daripada bemban, berbentuk silinder, bertapak bucu empat dan digunakan untuk <b>menyimpan padi</b> .   | Anyaman  |
| Lenjang       | Bakul sikut daripada rotan, berbentuk silinder, beranyam rapat, dan digunakan untuk <b>menyimpan dan mengangkut padi</b> .   | Anyaman  |
| Sahap         | Penutup bakul yang dianyam daripada rotan atau kulit kayu dan bertelinga, digunakan untuk <b>menuai padi</b> .   | Anyaman  |
| Korob         | Bakul kantung daripada rotan atau pelepah rumbia, berbentuk silinder, berkerangka, dan digunakan untuk <b>membawa padi</b> selepas dituai.   | Anyaman  |
| Acuan tuang   | Acuan plaster lembut yang digunakan untuk membentuk benda yang dibuat, dengan menuangkan tanah liat cair ke dalamnya.  | Tembikar |
| Gerlis        | (1) Bahan kemasan tempa yang berupa cecair yang digunakan untuk menyadur jasad tempaan.<br>(2) Kemasan permukaan jasad tempaan dengan menggunakan gerlis. Kadang-kadang disebut gerlis sahaja. | Tembikar |
| Gombol        | Bahagian leher tembikar, biasanya labu, yang membonjol atau lebih besar daripada bahagian lain leher tersebut. Di sesetengah tempat disebut sebagai kepala.                                    | Tembikar |
| Kobokan       | Bekas yang berupa tempurung atau mangkuk plastik yang digunakan sebagai tempat air untuk melembapkan jasad tempaan.  | Tembikar |
| Ngapun        | Proses memulakan sulam kerikam (kelingkam) dengan menjahit bahagian tepi kain.   | Sulaman  |
| Nyalap        | Proses mengemas bahagian tepi kain sulam kerikam (kelingkam) dengan menggunting, kemudian membakarnya supaya kemas.  | Sulaman  |
| Nyisup        | Proses mengemas bahagian tepi kain sulam dengan menyisip dan menyimpul jurai bahagian tepi apabila setiap motif siap disulam.  | Sulaman  |
| Pedangan      | Alat daripada kayu, berbentuk segi empat tepat atau bujur, berkaki, berbingkai dan berperegang yang tidak tetap, yang berfungsi sebagai penegang kain sewaktu direkat atau disulam.            | Sulaman  |
| Jahit empulur | Jahitan yang menggunakan benang kapas untuk melekatkan empulur pada irasan dan memudahkan jahit benang emas dilakukan.   | Tekak    |

Sumber: <http://prpm.dbp.gov.my>

Pada umumnya, penciptaan istilah jati mencerminkan kebolehan bahasa Melayu menyesuaikan persekitaran kognitif masyarakat Melayu dengan kemasukan unsur baharu. Penggubal istilah boleh memilih kata Melayu yang sedia ada untuk dipadankan dengan konsep dalam bahasa Inggeris bagi melambangkan objek yang terdapat dalam persekitaran dan alam Melayu. Dalam hal ini proses penciptaan istilah memerlukan daya

kreatif dan inovatif. Menurut Puteri Roslina (2012), inovatif bermaksud penciptaan istilah yang sama sekali baharu atau penciptaan yang memanfaatkan bentuk yang sedia ada dengan cara yang baharu.

Ironinya, disebabkan manusia Melayu tidak lagi mencipta, maka istilah yang terjelma lebih bersifat keinggerisan. Entah sama ada konsep istilahnya tiada dalam ruang lingkup budaya Melayu atau kerana selesa menggunakan bahasa Inggeris.

Contohnya, resepsionis, pengkatering, ekseksais, precint dan boulevard. Padahal sudah ada Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu yang dapat memandu kearah pembentukan istilah yang lebih sesuai dengan lidah dan budaya Melayu.

## KESIMPULAN

Pembinaan ilmu mesti bermula daripada masyarakat penggunaannya sendiri. Perbincangan di atas membuktikan bahawa masyarakat Melayu sudah boleh membina ilmu. Peristilahan dibentuk mengikut kreativiti penutur dan masyarakat setempat. Perkara inilah yang dikatakan dalam semantik kognitif, ‘manusia membentuk imej mereka melalui pengalaman jasariah’ (*bodily experience*). Melalui pengalaman seharian manusia membentuk istilah yang sesuai dan kena pada bidangnya. Penerapan analogi yang mengekalkan makna dan mengubah makna sangat kreatif malah mengetengahkan akal budi penuturnya. Hal ini merupakan gambaran kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam membina tamadun ilmu. Dalam konteks pembentukan istilah bahasa Melayu, hakikatnya, istilah tidak dicipta secara sambil lewa atau ‘bagai melepas batuk di tangga’ kerana setiap istilah, daripada dahulu hingga kini dicipta berdasarkan pola dan sistem yang teratur. Dalam konteks peristilahan hari ini, penciptaan istilah berasaskan pengalaman dan analogi ternyata berjaya menghasilkan istilah yang mesra pengguna serta sesuai dengan konsep istilah yang hendak dibawa.

## RUJUKAN

- Ali Ahmad 1968. *Hikayat Inderaputera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasnah Mohamad. 2017. Pembentukan istilah baharu: sejauh mana kesejajarannya dengan pedoman? *Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Kali Ke-2* (PASAK 2017), 26-17.
- Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Siri Monograf Akademi Kajian Ketamadunan. Bangi: Akademi Kajian Ketamadunan.
- Heah Lee Hsia. 1989. *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharuddin Zainal. 1998. *Hikayat Umar Umaiyah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Istilah Bahasa Melayu: <http://prpm.dbp.gov.my>.
- Junaini Kasdan dan Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. *'Ikan di laut asam di darat, di dalam kualiti bertemu jua': Analisis semantik inkuisitif dalam Kiasan, Kognitif dan Akal Budi Melayu*. Kuala Lumpur: DBP.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Zuhaira Idrus. 2017. Gandaan sepada dalam terminologi bahasa Melayu: analisis sosioterminologi. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 17(1): 183-202.
- Junaini Kasdan. 2015. Inovasi dalam proses mencari padanan istilah bahasa Melayu. *Rampak Serantau* 22: 196-213.
- Junaini Kasdan, Harshita Aini Haroon, Nor Suhaila Che Pa dan Mohamed Roshimi Md Sahor. 2014. Kaedah alternatif membentuk padanan istilah: Suatu pendekatan sosioterminologi. *Proceeding Symposium Language and Knowledge* (SILK 2014). DOI: 1013140/RG.2.2.14944.69126.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2010. <http://prpm.dbp.gov.my>.
- Kamus Inggeris – Melayu Dewan*. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim Ann Zimmermann. 2012. <http://www.livescience.com/21491-what-is-a-scientific-theory-definition-of-theory.html> [dicapai 12 Jan. 2015].
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2005. *Peminjaman Kata Bahasa Inggeris dalam Peristilahan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2012. *Menelusuri Peristilahan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Sturrock, A.J. 1957. *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Singapore: Malay Publishing House.
- Wan Mohd Darsuki Wan Hasbullah. 2013. Pengetahuan dan Teknologi Melayu Berhubung Penggunaan Senjata Api: Analisis Naskhah Ilmu Bedil. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Wilk, R. 2010. ‘Consumption embedded in culture and language: implications for finding sustainability’. *Journal of Sustainability: Science, Practice and Policy* 6(2). <http://www.sspp.proquest.com/archives/vol6iss2/0912040.wilk.html> [dicapai 9 Jan. 2015].

Junaini Kasdan  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: junaini@ukm.edu.my

Diserahkan: 02 November 2019  
Diterima: 15 Januari 2020